

29 NOV 1996

PM-PenangNET

PULAU PINANG BOLEH JADI PUSAT UTAMA PEMBANGUNAN UTARA

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Pulau Pinang boleh muncul sebagai sebuah pusat utama di kawasan utara dan pembangunannya akan lebih dinamik dengan kerjasama daripada Kedah, Perlis dan Perak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yakin Pulau Pinang di bawah pimpinan Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan Malaysia.

Ketika melancarkan PenangNET di Pusat Sains Negara di sini, beliau mengucapkan tahniah kepada Dr Koh kerana mengambil inisiatif mewujudkan PenangNET yang membolehkan rakyat negeri itu berhubungan secara terus dengan ibu negara dan tempat-tempat lain.

PenangNET, hasil ilham Dr Koh, merupakan inisiatif antara sektor awam dan swasta bagi menghubungkan Pulau Pinang dengan infrastuktur dan telekomunikasi berkelajuan tinggi yang membolehkan kerajaan negeri, industri dan individu menggunakan kuasa digital itu untuk pembangunan negara.

Semasa berbual dengan Dr Koh melalui rangkaian sidang video, Perdana Menteri berkata rakyat Pulau Pinang mempunyai masa depan yang gemilang dan berharap mereka akan bekerja lebih keras ke arah merealisasikan aspirasi Wawasan 2020.

Dr Koh dan hadirin di Pulau Pinang berada di Dewan Sri Pinang di Pulau Pinang.

Dr Mahathir secara bergurau berkata: "Saya harap dengan adanya PenangNET ini, Ketua Menteri Pulau Pinang tak perlu lagi datang ke Kuala Lumpur. Ini akan menjimatkan masa saya sedikit, dan kalau saya rasa tak hendak jumpa dia, saya boleh jauhkan diri daripada jangkauan kamera.

"Anda tak boleh lihat saya dan saya tak larat melayan banyak permintaan dari Pulau Pinang. Pulau Pinang ni minta macam-macam sepanjang masa. Dah bagipun, minta lagi. Tak payahlah," kata Dr Mahathir disambut gelak ketawa hadirin di kedua-dua lokasi.

Perdana Menteri seterusnya berharap nasi kandar, koay-teow dan buah pala Pulau Pinang yang terkenal tidak akan berubah meskipun negeri itu mencapai kemajuan pesat kelak.

Dr Koh mencelah bahawa beliau akan memastikan makanan kegemaran Perdana Menteri itu akan kekal bentuknya dan kemungkinan "dijual melalui Internet."

Dr Mahathir menjawab: "Kalau begitu saya makan nasi kandar melalui Internet, rasa sedap tapi tak kenyang." -- BERNAMA

ZAB NAK